



SIARAN MEDIA

SEMARAK JIWA MERDEKA @ KPKT PERKUKUH SEMANGAT PATRIOTISME DAN PERPADUAN WARGA KEMENTERIAN

PUTRAJAYA, 8 Ogos 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menganjurkan **Majlis Pelancaran Semarak Jiwa Merdeka @ KPKT** pada hari ini sebagai simbolik pelancaran sambutan Bulan Kebangsaan peringkat kementerian bagi tahun 2025. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) dan turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, barisan pengurusan tertinggi serta warga kerja KPKT dan jabatan/ agensi di bawahnya.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan warga KPKT. Ia juga bagi memperkukuh semangat muhibah dan perpaduan sejajar dengan tema Hari Kebangsaan 2025 iaitu “**Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni**”.

Menurut YB KM “ **Semangat *Unity In Diversity*** menjadi nadi kekuatan keluarga besar KPKT untuk terus melangkah ke hadapan secara **Stronger Together** demi tanah air tercinta. Warga KPKT sentiasa mendukung aspirasi Kerajaan MADANI dengan menghayati erti kemerdekaan bukan hanya sepanjang bulan Ogos, tetapi sebagai satu amalan dalam kehidupan seharian, melalui semangat kebersamaan, iltizam untuk berkhidmat sebaik mungkin dan kesediaan menyumbang demi rakyat dan negara”.

Dalam majlis ini, YB KM turut menerima penyerahan **Kit Kemerdekaan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Komunikasi Strategik), Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen), Puan Rubaayah binti Osman**. Turut diadakan **sesi pelepasan rasmi / Flag Off 11 buah jentera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** di pekarangan KPKT sambil diserikan dengan persembahan istimewa oleh **Pasukan Ultras BOMBA**.

Berikut merupakan pengisian aktiviti sepanjang sambutan bulan kemerdekaan oleh KPKT menerusi program Semarak Jiwa Merdeka@KPKT :

- i. Hiasan Keceriaan Merdeka;
- ii. Nukilan Kreatif Merdeka;
- iii. Semarak Merdeka@Perpustakaan;
- iv. Hari Ini Dalam Sejarah;
- v. Siaraya Lagu Kebangsaan pada setiap hari;
- vi. *Brisk Walk* Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Ke-68;
- vii. Program Derma Darah;
- viii. Pertandingan Foto Landskap Merdeka;
- ix. Eksplorasi Landskap Tasik Banding, Perak; dan
- x. Kempen 1 Meja 1 Bendera

Penganjuran majlis ini dilihat selari dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkukuh semangat perpaduan dan identiti nasional dalam kalangan rakyat, khususnya warga perkhidmatan awam sebagai pemangkin agenda pembangunan negara.

KPKT komited untuk terus menyemarakkan semangat kenegaraan dan mendukung nilai-nilai Malaysia MADANI dalam setiap aspek penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

#MalaysiaMADANI
#Hormat
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T